

25 Mac 2022

# Aktiviti Gotong Royong Perdana Ibu Pejabat JUPEM Tahun 2022

Ibu Pejabat JUPEM



Bersempena dengan Sambutan Hari Juruukur Sedunia 2022 atau *Global Surveyors' Day 2022* (GSD 2022), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah mengadakan Program Gotong Royong Perdana bertempat di Ibu Pejabat JUPEM bermula jam 8.30 pagi sehingga 12.00 tengah hari.

Objektif gotong-royong ini diadakan adalah untuk memastikan kawasan persekitaran JUPEM berada di dalam keadaan bersih, teratur dan kondusif selain dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga JUPEM.

Sesi gotong-royong ini telah dihadiri oleh YBrs. Sr Haji Mohammad Zaki bin Mohd Ghazali, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II bersama-sama dengan pegawai kanan JUPEM serta 500 warga JUPEM Ibu Pejabat dan JUPEM WP KL/Putrajaya yang melibatkan pembersihan di dalam pejabat dan di perkarangan luar pejabat.

Antara aktiviti gotong-royong ini adalah membersihkan kesan banjir kilat yang berlaku di JUPEM pada awal bulan lalu, antaranya membersihkan kawasan air yang bertakung, longkang-longkang yang tersumbat.

Selain itu, program ini turut membabitkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Cawangan Titiwangsa yang telah memberi bantuan dari segi peralatan dan kelengkapan pembersihan.

